



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

CUTI PERISTIWA NEGERI SEMBILAN PADA 3 OGOS 2026

1. Kerajaan Negeri Sembilan telah mengisytiharkan tarikh 3 Ogos 2026 (Isnin) sebagai Cuti Peristiwa Negeri Sembilan.
2. Pengisytiharan ini dibuat selaras dengan subseksyen 9 (1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang membolehkan pihak berkuasa negeri mengisytiharkan mana-mana hari sebagai hari kelepasan am bagi negeri berkenaan.
3. Hari kelepasan am ini merupakan hari kelepasan am pilihan dan tidak wajib diberikan kepada pekerja sektor swasta. Namun begitu, mana-mana majikan di Negeri Sembilan yang memilih Cuti Peristiwa Negeri Sembilan sebagai hari kelepasan am, syarikat hendaklah memberikan hari kelepasan am bergaji kepada pekerja pada 3 Ogos 2026.
4. Walau bagaimanapun, majikan boleh dengan persetujuan pekerja menggantikan cuti tersebut kepada hari lain sebagaimana peruntukan Seksyen 60D (1A) Akta Kerja 1955.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
2 OGOS 2026**